



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Department of Social Welfare

Aras 6, 9-18, No.55 Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel.: 603-8323 1656/ 2301
Faks (Fax): 603-8323 2056
Laman Web: www.jkm.gov.my
(Website)

Rujukan Kami : JKM/WE 500/3/24 (5q)

Tarikh : 17 Oktober 2019

YBrs. Dr. Siti Hajar binti Abdul Rauf
Pusat Pengajian Kerja Sosial
Fakulti Sains Sosial Gunaan
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
21300 Kuala Nerus
Terengganu

YBrs. Dr.,

**JEMPUTAN SEBAGAI MODERATOR SEMINAR “MENUJU KE ARAH
NEGARA TUA: SEJAHTERA WARGA EMASKU”**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama JKM Negeri Terengganu dan Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Zainal Abidin (UNISZA) akan menganjurkan seminar “Menuju Ke Arah Negara Tua: Sejahtera Warga Emasku”. Seminar ini dilaksanakan sempena sambutan Hari Warga Emas Sedunia dengan tema pada tahun ini iaitu “*The Journey of Age Equality*”. Seminar tersebut akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 29 Oktober 2019 (Selasa)
Masa : 8.00 pagi hingga 6.00 petang
Tempat : Dewan Al-Muktafi Billah Shah (DABS)
UNISZA, Kampus Gong Badak, 21300
Kuala Terengganu, Terengganu

3. Objektif penganjuran seminar ini adalah seperti berikut:


- 3.1. Memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai fenomena penuaan yang sedang berlaku di Malaysia;
- 3.2. Meningkatkan peranan dan potensi warga emas secara inklusif dalam menghadapi cabaran penuaan dan negara tua; dan
- 3.3. Menyebarluaskan maklumat berkaitan isu-isu penuaan dan negara tua kepada kumpulan masyarakat yang pelbagai.

4. Sehubungan dengan itu, Jabatan dengan segala hormatnya menjemput YBrs. Dr. sebagai moderator bagi program tersebut. Bersama-sama ini disertakan atur cara program seperti di **Lampiran A** untuk perhatian YBrs. Dr. Sebarang persoalan mengenai hal ini boleh menghubungi Puan Norliza binti Mokhtar di talian 03-8323 2299 atau Encik Muhammad Affan bin Afikudia di talian 03-8323 2298.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. AZMIR BIN KASSIM)

Pengarah Bahagian Warga Emas

b.p. Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

No. Tel. : 03-8323 2222

No. Faks : 03-8323 2056

E-mel : azmir@jkm.gov.my

s.k:

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)